

TALKING POINT
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA
BENGKEL PEMIKIRAN KRITIS MATEMATIK
DI WANG ULU, KANGAR PADA 2 APRIL 2010

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan
Salam Satu Malaysia.

Yang Berbahagia, Dato' Ghazali B. Mat Ariff, Naib Presiden
Ahli Jemaah Dato'-Dato' Perlis,

Yang Berbahagia, Ahli-ahli Jemaah Dato'-Dato' Perlis,

Jatawatankuasa Kerja, Bengkel Pemikiran Kritis Matematik,

Guru-guru Pengiring dan Anak-anak Pelajar yang saya kasihi
sekalian.

Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vanakam, Ma Sa An
Khair, Ra Thri Sawat.

- Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T diatas kesempatan yang diberikan kepada kita untuk bersama pada malam yang mulia ini dalam **“Bengkel Pemikiran Kritis Matematik”**. Marilah kita bersama-sama berdoa agar Allah Subhanahuwataala memberkati usaha kita ini dan melindungi kita semua daripada apa jua kesulitan dan kekurangan.
- Pertama sekali setinggi-tinggi terima kasih saya panjatkan kepada Jemaah Dato'-Dato' Perlis di atas cadangan melaksanakan bengkel seperti ini. Sesungguhnya **“Bengkel Pemikiran Kritis Matematik”** pada minggu ini adalah yang kedua dianjurkan selepas penganjuran pertama pada 13 Mac yang lalu.
- Ucapan tahniah juga kepada kepada semua ahli jawatankuasa **“Bengkel Pemikiran Kritis Matematik”** diatas kerjasama yang diberikan dalam merealisasikan bengkel ini.
- Saya percaya bengkel ini secara langsung akan membantu meningkatkan tahap penguasaan matematik di kalangan pelajar- pelajar sekolah yang bakal menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) di Perlis.

- Saya difahamkan pada minggu ini seramai 90 orang peserta yang terdiri daripada para pelajar yang bakal menduduki peperiksaan PMR terpilih untuk menyertai bengkel pada hari ini.
- Justeru itu, anda merupakan insan bertuah kerana dipilih sebagai peserta **“Bengkel Pemikiran Kritis Matematik”**. Saya ingin menyeru kepada anda semua untuk menjadikan bengkel ini sebagai panduan menuju kejayaan untuk memperolehi keputusan cemerlang dalam subjek Matematik.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

- Hari ini merupakan minggu kedua bengkel ini dan ianya akan dipanjangkan selama sepuluh bulan dengan berselang seli antara pelajar UPSR dan PMR untuk setiap minggu. Saya percaya banyak input yang akan anda perolehi kerana pelbagai pengisian akan dimuatkan sepanjang bengkel ini seperti teknik menjawab soalan serta pendedahan untuk menguasai subjek ini. Secara tidak langsung bengkel ini juga dilihat dapat membantu melahirkan golongan celik Matematik dalam usaha meningkatkan pencapaian Matematik di Perlis.

- Dalam Era globalisasi pendidikan yang semakin berkembang pesat terutamanya pada zaman milenium ini. Dunia pendidikan mengalami pelbagai perubahan di mana satu ledakan ilmu yang bukan sahaja perlu dipelajari malah perlu dikuasai. Ia menjadi satu kemestian untuk melengkapkan diri seseorang individu agar berupaya menghadapi keseimbangan hidup di dunia kontemporari yang semakin mencabar.

- Matematik ialah ilmu berstruktur dan berhierarki, justeru itu setiap individu pelajar mesti memahami dan menguasai konsep-konsep asas dalam matematik. Tambahan pula boleh dikatakan setiap aktiviti sosial manusia tidak terpisah daripada menggunakan matematik.

- Sebagai pelajar anda harus mengenal pasti dan mendiagnos kelemahan diri di peringkat awal, maka pemulihan dapat diberikan untuk memperbaiki kelemahan dan seterusnya dapat membantu para pelajar menguasai kelemahan dan membina keyakinan serta minat anda terhadap matematik khususnya.

Hadirin dan hadirat sekalian,

- Sekali lagi saya ingin menyeru kepada anda semua agar menggunakan peluang yang ada ini dengan sebaik mungkin untuk mengenalpasti kelemahan dan kekurangan diri anda. Semoga bengkel yang diadakan ini secara tidak langsung membantu anda dalam memperolehi keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan kelak.

- Janganlah anda mensia-siakan peluang yang terbentang luas ini tanpa menimba ilmu dengan sebaiknya. Saya doakan anak-anak pelajar dihadapan saya ini akan memperolehi keputusan yang terbaik dalam peperiksaan nanti.

- Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa **“Bengkel Pemikiran Kritis Matematik”** diatas kerjasama yang diberikan dalam merealisasikan bengkel ini. Diharap melalui bengkel ini secara tidak langsung dapat menimbulkan minat yang tinggi dalam subjek matematik serta membentuk modal insan kamil demi memacu pembangunan Negara.

**Pergi Berlayar Di Tengah Lautan,
Gelombang Mendatang Diharungi Jua,
Penguasaan Matematik Harus ditingkatkan,
Menjamin Kualiti Pendidikan Negara.**

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh....